

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
[KOTA KINABALU]**

TARIKH : -

SOALAN

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan terkini loji janakuasa 300 MW di Lahad Datu, loji janakuasa Turbin Gas 300 MW di Komanis dan loji janakuasa Geotermal 30 MW di Balung. Apa lagi rancangan Kerajaan bagi menampung permintaan tenaga elektrik yang semakin meningkat di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Perancangan seperti yang dinyatakan oleh YB tersebut telah dipinda. Pada ketika ini, bagi menampung permintaan bekalan elektrik yang semakin meningkat terutama di kawasan Pantai Timur Sabah, Kerajaan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Dan Pelaksanaan Pembekalan Elektrik Dan Tarif (JPPPET) Bil.1/2015 pada 18 Ogos 2015 telah membuat perancangan seperti berikut:

- (i) pembangunan loji jana kuasa di Lahad Datu dengan kapasiti 30MW;
- (ii) pembangunan loji jana kuasa di Sandakan dengan kapasiti 2x30MW; dan
- (iii) pembangunan loji jana berkapasiti 300MW di POIC Sandakan.

2. Di samping loji jana kuasa yang dirancang seperti yang saya nyatakan tadi, sebuah loji geotermal di Tawau yang berkapasiti 30 MW sedang dibina oleh syarikat swasta manakala sebuah Projek

Hidroelektrik Ulu Padas berkapasiti 180 MW yang dijangka beroperasi pada tahun 2023 sedang dibina secara usahasama di antara Kerajaan Negeri Sabah dan syarikat swasta. Selain itu, Kerajaan Persekutuan juga telah meluluskan peruntukan dalam bentuk geran sebanyak RM2.295 bilion untuk melaksanakan 81 projek pembekalan elektrik dari tahun 2015 hingga 2020 bagi memperkukuhkan lagi sistem bekalan elektrik di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Pelaksanaan langkah-langkah ini diharap dapat membantu menyelesaikan masalah bekalan elektrik di Sabah demi kesejahteraan rakyat di negeri tersebut.
